



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

AHAD
21 September 2025



செபெராங் ஜெயாவில் டயலிசிஸ் மையம்- சொக்சோ அமைத்தது



பட்டர்வொர்த், செப். 21-
செபெராங் ஜெயா பட்டர்
வொர்த்தில் டயலிசிஸ் எனப்
படும் ரத்தச் சுத்திகரிப்பு
மையம் திறக்கப்பட்டிருப்பதாக
மனிதவள அமைச்சர் ஸ்டீவன்
சிம் தெரிவித்தார். வட தீபகற்
பத்தில் அமைக்கப்பட்ட
முதல் டயலிசிஸ் மையம்
இதுவாகும். சொக்சோ எனப்
படும் சமூகப் பாதுகாப்பு
அமைப்பு இதனை நிறுவி
இருக்கிறது. இதற்கு முன்பு
சொக்சோ கோலாலம்பூரிலும்
சிலாங்கூரிலும் ஜோகூரிலும்
டயலிசிஸ் மையங்களைத்
திறந்திருப்பதாக அமைச்சர்
குறிப்பிட்டார். அந்த வகையில்
செபெராங் ஜெயாவில்
அமைக்கப்பட்டிருந்த இந்த
மையம் 6ஆவது டயலிசிஸ்
மையமாகும்.
தனியார் டயலிசிஸ் மையங்
களில் கட்டணம் அதிகமாக
இருப்பதால் அந்தச் சிகிச்சை
யைப் பெற விரும்பும்
சொக்சோ சந்தாதாரர்களின்
சுமையைக் குறைக்கும் வகை
யில் டயலிசிஸ் மையங்களை



சொக்சோ திறந்திருக்கிறது என்று
அவர் குறிப்பிட்டார்.
செபெராங் ஜெயாவில் டயலி
சிஸ் மையம் திறக்கப்பட்டிருப்ப
தால் நோயாளிகளோ சொக்சோ
சந்தாதாரர்களோ இங்கு வந்து
டயலிசிஸ் சிகிச்சை பெறலாம்.
உதவித்தொகை வழங்கப்படுவ
தால் அவர்கள் எந்தக் கட்டண
மும் செலுத்தத் தேவையில்லை
எனவும் அமைச்சர் குறிப்
பிட்டார்.
சொக்சோ சந்தாதாரர்களின்
மருத்துவச் செலவால் ஏற்படும்
சுமையைக் குறைப்பதற்காகத்
தான் சொக்சோ டயலிசிஸ்
மையங்கள் சிலவற்றைத் திறந்
திருக்கிறது என அவர் சுட்டிக்
காட்டினார்.
நேற்று செபெராங் ஜெயாவில்
டயலிசிஸ் மையத்தைத் திறந்து
வைத்தபின் அவர் நிருபர்களிடம்
பேசினார். போக்குவரத்து
அமைச்சர் அந்தோணி லோக்
கும் இதில் கலந்து கொண்டார்.
சுய வேலை செய்வோருக்கான
சமூகப் பாதுகாப்புத்
திட்டத்திற்கான ஆதரவுச்
சான்றிதழையும் அவர்

வழங்கினார். தீபகற்ப
மலேசியாவின் வட பகுதியில்
டயலிசிஸ் சிகிச்சை பெறும்
15 ஆயிரத்திற்கும் அதிகமான
சொக்சோ சந்தாதாரர்களுக்கு
இந்தப் புதிய டயலிசிஸ்
மையம் நன்மை தரும் என்றும்
அமைச்சர் கூறினார்.
இந்த டயலிசிஸ் மையம்
நவீன வசதிகளைக் கொண்
டது. உயர் தரத்திலான
சிகிச்சை வழங்கப்படுகிறது.
அனுபவமிக்கப் பணியாளர்கள்
உள்ளனர். நாள் ஒன்றுக்கு 36
நோயாளிகளுக்கு இங்கு
டயலிசிஸ் சிகிச்சை அளிக்க
முடிகிறது.
2024ஆம் ஆண்டு
தரவுகள்படி சொக்சோ
சந்தாதாரர்கள் டயலிசிஸ்
சிகிச்சை பெற சொக்சோ
389.2 மில்லியன்
ரிங்கிட்டை ஒதுக்கியிருக்
கிறது. இந்த ஆண்டு முதல்
எட்டு மாதத்தில் இந்தச்
சிகிச்சைக்கான செலவு
272.99 மில்லியன்
ரிங்கிட்டாகப் பதிவாகி
இருக்கிறது.

Pusat Dialisis Perkeso memudahkan pencarum dirawat percuma

SEBERANG PERAI – Pusat dialisis pertama di utara Semenanjung yang mula beroperasi di Seberang Jaya semalam dijangka memudahkan pencarum mendapatkan rawatan dialisis secara percuma.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, pusat dialisis itu adalah sebahagian daripada usaha berterusan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk memperluaskan perkhidmatan rawatan dialisis kepada pencarum.

"Objektif penubuhan pusat ini adalah untuk membantu mengurangkan kos yang ditanggung pencarum mendapatkan rawatan dialisis memandangkan kos di pusat rawatan swasta semakin meningkat.

"Menerusi pusat dialisis ini, pesakit tidak perlu membayar apa-apa kerana ada subsidi, dan ini antara faktor kenapa kita menubuhkan beberapa pusat dialisis kendalian Perkeso sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pusat Dialisis Perkeso Cawangan Seberang Jaya dan Penyerahan Tajaan Lindung Kendiri di sini semalam.



STEVEN (dua dari kanan) dan **Anthony** (kiri) beramah mesra bersama pencarum di Pusat Dialisis Perkeso Cawangan Seberang Jaya, semalam.

Turut hadir, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook.

Setakat ini, enam Pusat Dialisis Perkeso beroperasi di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

Tambahnya, pusat baharu ini memberi manfaat kepada lebih 15,000 pencarum yang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara, terutama di utara Semenanjung.

"Pusat baharu ini dilengkapi

kemudahan moden, rawatan berkualiti tinggi dan kakitangan berpengalaman serta berdedikasi selain mampu menampung rawatan 36 pesakit sehari.

"Ia juga melengkapkan ekosistem perkhidmatan Perkeso yang sudah mempunyai 800 pusat dialisis panel sedia ada melibatkan swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," tambahnya.

Penyerahan Tajaan LINDUNG Kendiri PERKESO



STEVEN Sim (tiga dari kiri) menyaksikan Anthony Loke (tiga dari kanan) menyampaikan tajaan caruman LINDUNG Kendiri kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed (kiri).

SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI

MANFAAT BUAT 50,000 PEMANDU

Butterworth

Kementerian Pengangkutan (MOT) memperuntukkan RM3.5 juta untuk inisiatif Skim Perlindungan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri) pada tahun ini yang memberi manfaat kepada 50,000 pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah di seluruh negara.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, kadar tanggungan kerajaan bagi caruman berkenaan ditetapkan pada 70 peratus dan dilaksanakan Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mulai 1 Januari 2025 manakala MOT menaja baki 30 peratus jumlah caruman berkenaan.

Beliau berkata, MOT juga mengambil pendekatan

kreatif untuk menyalurkan peruntukan RM3.5 juta berkenaan dengan menggunakan hasil daripada penjualan bidaan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) dan bukannya peruntukan daripada Kementerian Kewangan (MoF).

"Dalam belanjawan tahunan kita (yang diberikan untuk MOT), tiada item bagi tujuan ini (LINDUNG Kendiri). Namun, kita fikirkan cara untuk tamung RM3.5 juta ini, iaitu menggunakan hasil daripada penjualan bidaan NPI," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Pusat Dialisis PERKESO Cawangan Seberang Jaya dan Penyampaian Tajaan Lindung Kendiri di Pejabat PERKESO Pulau Pinang di Seberang Jaya di sini, semalam.

Loke berkata, tajaan berkenaan disasarkan kepada kira-kira 35,000 pemandu teksi atau kereta sewa dan 15,000 pemandu bas sekolah yang masih aktif di seluruh negara.

Beliau berkata, peningkatan peruntukan daripada RM1.165 juta pada 2024 kepada RM3.5 juta tahun ini bukan sahaja menambah baik perlindungan, malah menjadi platform advokasi untuk meningkatkan kesedaran Orang Bekerja Sendiri (OBS) mengenai kepentingan perlindungan sosial.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, tahun ini merupakan tahun kedua kerjasama antara MOT dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bagi menyediakan caruman percuma kepada 50,000 pemandu di seluruh negara.

"Terima kasih kepada MOT. Jadi, saya nak minta supaya rakan-rakan pemandu kita ada kesedaran ini sebab kadangkala kita dah tolong untuk buat tuntutan tetapi mereka tidak tahu yang mereka adalah pencarum, malah berlaku bencana atau kemalangan sekalipun, dia tidak tahu dia pencarum serta tidak tuntutan," katanya.

Berdasarkan statistik PERKESO bagi tempoh Januari hingga 5 September tahun ini, sebanyak 829,771 OBS mencarum LINDUNG Kendiri, dengan 189,662 pencarum terdiri daripada kategori pengangkutan penumpang.

Dari segi penyaluran faedah menerusi LINDUNG Kendiri, sebanyak 5,712 penerima direkodkan dengan nilai bayaran mencecah lebih RM21.2 juta bagi tempoh sama.

6

Nasional

21 September 2025 BH AHAD

Hasil jualan bidaan nombor plat kenderaan biaya Lindung Kendiri

RM3.5j disalur manfaat 50,000 pekerja sektor pengangkutan penumpang

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Butterworth: Seramai kira-kira 50,000 pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah seluruh negara menerima manfaat inisiatif Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (Lindung Kendiri) membabitkan peruntukan RM3.5 juta, tahun ini melalui hasil jualan bidaan nombor plat kenderaan istimewa yang diperoleh.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata pihaknya berusaha meneruskan tajaan caruman itu tanpa peruntukan daripada Kementerian Kewangan (MoF).

Tegasnya, ia adalah memastikan orang bekerja sendiri di bawah sektor pengangkutan penumpang di negara ini dilindungi sekiranya berlaku kemalangan ketika menjalankan perkhidmatan termasuk dalam per-

jalanan untuk melakukan pekerjaan.

"Dalam belanjawan tahunan kita, tiada pun ada item ini (peruntukan Lindung Kendiri) tetapi kita fikirkan cara untuk tampung yang mana wang hasil daripada penjualan bidaan nombor plat kenderaan istimewa kita buat untuk tujuan ini.

"MoT yakin akan keperluan menyediakan perlindungan keselamatan kepada individu bekerja sendiri di bawah sektor pengangkutan penumpang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika menghadiri Majlis Perasmian Pusat Dalisis PERKESO Cawangan Seberang Jaya yang disempurnakan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim dan Penyampaian Tajaan Lindung Kendiri di sini, semalam.

Jelasnya, MoT tahun lalu memperuntukkan RM1.165 juta bagi caruman tajaan berkenaan dan peningkatan kepada RM3.5 juta itu menunjukkan bahawa perlindungan itu ditambah baik, malah menjadi platform advokasi untuk meningkatkan kesedaran orang bekerja sendiri berhubung kepentingan perlindungan sosial.

"Pada tahun lalu, MoT menaja baki caruman sebanyak 10 peratus atau RM23.30 dengan penyaluran hampir RM524,000 ma-



Loke menyerahkan tajaan Lindung Kendiri PERKESO kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed sambil disaksikan Steven (tiga dari kiri) di Seberang Jaya, semalam.
(Foto Muka Ong/BH)

nakala kerajaan melalui PERKESO menaja 90 peratus (RM209.50) daripada jumlah caruman bernilai RM232.80," katanya.

Harga usaha MoT

Sementara itu, Steven berkata beliau berterima kasih kepada MoT atas usaha melindungi pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah yang bekerja sendiri.

"Jadi, saya nak minta supaya

rakan-rakan pemandu kita, ada kesedaran ini sebab kadangkala kita dah tolong untuk buat tuntutan tetapi mereka tidak tahu bahawa dia adalah pencarum, malah berlaku bencana atau kemalangan sekalipun, dia tidak tahu dia pencarum serta tidak tuntutan," katanya.

Berdasarkan statistik PERKESO bagi tempoh dari Januari hingga 5 September tahun ini,

seramai 829,771 Orang Bekerja Sendiri (OBS) mencarum LINDUNG Kendiri, dengan 189,662 pencarum terdiri daripada kategori pengangkutan penumpang.

Dari segi penyaluran faedah menerusi LINDUNG Kendiri, sebanyak 5,712 penerima direkodkan dengan nilai bayaran memecah lebih RM21.2 juta bagi tempoh sama.

100% social security for 50,000 drivers

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Taxi, rental car and school bus drivers across the country will continue to receive full social security contribution support, with the Transport Ministry set to expand its sponsorship under the Lindung Kendiri scheme this year.

Transport Minister Anthony Loke said more than 22,000 taxi, rental car and school bus drivers nationwide benefited from the government's social protection scheme, with allocations amounting to about RM524,000.

He said Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), now known as Lindung Kendiri, provides crucial safety nets for drivers, ensuring medical treatment, compensation and pensions for their dependents.

"Until December last year, some 22,000 taxi, rental car and school bus drivers had benefited from the protection.

"This was made possible by the government, through the Social Security Organisation (PERKESO), covering 90%, or RM209.50, of the contribution, while the ministry

paid the remaining 10%, or RM23.30, bringing the total contribution to RM232.80," he said at the PERKESO office in Seberang Jaya yesterday.

With Budget 2025 setting the government's coverage at 70%, Loke said his ministry would step in to bear the remaining 30% contribution, or RM69.90, for eligible drivers.

"We are targeting 50,000 active drivers, comprising about 35,000 taxi or rental car drivers and 15,000 school bus drivers.

"For this year, RM3.5mil has been set aside compared to only RM1.165mil in 2024," he said, adding that the allocation comes from the sale of special number plates.

Loke said the scheme is vital, as it covers drivers in the event of accidents while on duty or commuting.

"If an accident results in death, their dependents, whether a spouse or parents, will receive a lifelong monthly pension of RM1,395.

"There is also a funeral benefit to ease the family's burden," he said.

Earlier, Loke, who was accom-



Great move: Loke (right) and Sim (second from right) attending the launch of the dialysis centre at the PERKESO office in Seberang Jaya. Joining them are (from left) PERKESO Group CEO Datuk Seri Dr. Mohammed Azman and Transport Ministry secretary-general Datuk Seri Jana Santhiran Muniayan. — LJM BENG TAT/The Star

panied by Human Resources Minister Steven Sim, officiated PERKESO's dialysis centre within the building itself.

Being the first dialysis centre in the northern region, it is the sixth nationwide, after existing facilities in Kuala Lumpur, Selangor and Johor.

Sim said the initiative was timely, given the rising cost of dialysis treatments at private centres.

"The dialysis centre complements PERKESO's service ecosystem, making it easier for contributors to access treatment, in addition to the more than 800 panel

dialysis centres run by private providers and NGOs.

"In 2020, about 13,000 contributors received dialysis sponsorship, costing PERKESO RM263mil.

"By 2024, the number had increased to 18,000 contributors, with the cost rising to RM400mil.

"By running our own centres, we can cut back on costs while also providing better access to treatment," he said.

Sim said that the rising cost of treatment at private dialysis centres has left many contributors struggling to cover their sessions.

"Contributors who seek treatment at private dialysis centres currently receive a RM150 subsidy per session or up to RM2,100 a month for 14 treatments.

"However, private rates have gone up from RM180 to more than RM200 per session, which means patients still need to pay the difference.

"At our dialysis centres, treatment is provided entirely free," he said.

With a capacity to treat 36 patients daily, Sim said the new centre in Penang could be expanded to treat over 70 patients.